

Penggunaan data Cinemetric sebagai satu penemuan signifikansi makna subteks dalam kajian filem

ABSTRACT

Kajian ini memberi fokus kepada objek formal iaitu disebut sebagai sinematik dan sistem tanda. Filem *Lelaki Harapan Dunia* (LHD, 2014) merupakan material teks filem yang menyelusuri pengalaman subjektif manusia dan takrifan mereka terhadap dunia khususnya dalam dunia ruang komposisi filem (memahami cara, pandangan atau perspektif dunia melalui pandangan orang lain) menjadi asas utama kajian. Dalam konteks kajian ini, teori Miles dan Huberman, dan aplikasi perisian Cinematics digunakan dengan pendekatan data rubrik yang kemudiannya sebagai verifikasi data keseluruhannya untuk paparan data yang lebih tersusun. Teori Semiotik Roland Barthes digunakan terhadap teks filem dan penelitian akan bertumpu bagaimana pembinaan unsur sinematik menghasilkan makna subteks. Kajian ini melihat kepada aspek teknikal gerak kerja kamera sebagai penelitian utama dalam memahami sistem tanda dan makna menerusi perisian Cinematics. Subteks yang signifikan ini diperoleh daripada sistem tanda semiotik yang lebih spesifik iaitu denotasi, konotasi dan mitos. Fokus analisis adegan dan unsur sinematik yang benar-benar dominan sahaja dilakukan yang merangkumi perbincangan gerak kerja kamera adegan 16 dan 64. Hasil penelitian terhadap teks filem, ia berfungsi sebagai ideational yang menerangkan hubungan antara actants (pelakon) memainkan peranan mereka dalam filem, keduanya berfungsi sebagai interpersonal yang mengangkat pemikiran pengarah seperti yang disampaikan dan ketiga berfungsi sebagai textual yang membawa maksud mesej disampaikan secara tersirat.